

# Mahasiswa UMS tolak perhimpunan TMO1

Oleh **NORNASHA SABLI**  
(Pelatih UMS)



**ISMAIL**

UB 28.8.2016 A2  
KOTA KINABALU: Seramai 25 orang pelajar dari beberapa Institusi Pengajian Tinggi hampir ditahan pihak berkuasa apabila mengambil bahagian dalam menyertai perhimpunan haram, di sini petang kelmarin.

Kumpulan yang menggelarkan diri mereka sebagai 'TMO1' mengadakan perhimpunan berkenaan di Taman Chong Thian Voon bersebelahan Kompleks Mahkamah Negeri ini sebelumnya berjalan dari Kampung Air sekitar jam 2 petang.

Jurucakap kepada perhimpunan berkenaan, Mukmin Nantang menyatakan perhimpunan itu diadakan bertujuan untuk menyampaikan suara mahasiswa dan anak muda Sabah agar pihak kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap individu yang dilabelkan sebagai MO1.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Madya Dr. Ismail Ali bagaimanapun berkata, pihaknya menolak sekerasnya dakwaan yang menyatakan

perhimpunan berkenaan adalah mewakili suara mahasiswa terutamanya mahasiswa UMS dan anak muda Sabah amnya.

Katanya, initerbukti apabila perhimpunan berkenaan tidak mendapat sambutan daripada mahasiswa dan anak muda Sabah sepertimana yang diharapkan oleh pihak Sekretariat Anak Muda Sabah selaku penganjur.

"Ini sekaligus memperlihatkan mahasiswa dan anak muda Sabah sendiri tidak menyokong perhimpunan berkenaan," katanya.

Pada masa sama Ismail berkata, mahasiswa UMS sama ada di Kampus Kota Kinabalu, Kampus Antarabangsa Labuan dan Kampus Sandakan yang



(Gambar atas dan kanan) **MAHASISWA** yang menyertai perhimpunan haram di sini petang kelmarin.

berjumlah 17,000 termasuk para alumni UMS yang mencecah angka puluhan ribu tidak akan menyokong dan menyertai sebarang perhimpunan sedemikian rupa.

"Walaupun Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 2012 (Pindaan) Seksyen 15 membenarkan mahasiswa untuk berpolitik di luar kampus namun itu tidak bermakna para mahasiswa boleh membuat sesuatu tindakan tanpa memikirkan implikasinya kepada diri sendiri, pengajian dan kesejahteraan negara.

"Pihak pengurusan universiti yang diterajui oleh Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah sentiasa memperingatkan mahasiswa UMS agar memberikan perhatian sepenuhnya kepada pengajian, menjaga nama baik dan imej universiti yang memberikan mereka ruang untuk menimba ilmu," katanya dalam satu kenyataan, di sini kelmarin.

Beliau berterima kasih dengan semua mahasiswa dan anak muda Sabah kerana tidak terpedaya untuk menyertai perhimpunan itu.

